

Usah hebohkan kes MB Selangor

KUALA LUMPUR, Khamis — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kesal dengan tindakan sesetengah akhbar yang memperbesar-besarkan cerita mengenai perkahwinan Menteri Besar, Tan Sri Muhammad Muhd Taib dengan puteri kedua Sultan Selangor, Tengku Zahariah.

Sehubungan itu, beliau meminta semua pihak, termasuk akhbar, menyerahkan kepadanya untuk menyelesaikan masalah itu.

Bercakap dalam sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno di sini, hari ini, Perdana Menteri berpendapat perkara itu sudah diberi pendedahan yang berlebihan "sedangkan ia bukanlah satu tragedi bagi negara."

"Akhbar tidak perlu menyiarkan cerita mengenai perkara itu setiap hari. Banyak lagi cerita lain yang boleh ditonjolkan," katanya.

Beliau yang juga Presiden Umno menyerahkan Badan Perhubungan Umno Se-

langor sudah menyerahkan kepadanya untuk menyelesaikan masalah berkenaan dan menentukan kedudukan Umno Selangor.

Semua 14 bahagian di Selangor, termasuk Ketua Pemuda dan Wanita menemui Perdana Menteri di pejabatnya untuk menyampaikan perkara itu, petang semalam.

Apabila ditanya sama ada Tan Sri Muhammad akan dibawa menyertai Kerajaan Pusat berikutan kenyataan Sultan Selangor yang menyifatkan hubungannya dengan Menteri Besar bagaikan kaca terhempas, Datuk Seri Dr Mahathir berkata:

Tafsiran

"Serahkan perkara ini kepada saya untuk menyelesaikannya. Saya tidak mahu menyelesaikannya melalui akhbar. Kalau perkara ini dibahaskan dalam akhbar, sampai bila pun ia tidak akan selesai," katanya.

Sambil menyifatkan kisah perkahwi-

nan Tan Sri Muhammad itu sebagai cerita lapuk, Perdana Menteri menegaskan MT tidak berbincang perkara itu dalam mesyuaratnya hari ini.

"MT juga tidak berbincang dengan pihak istana mengenai masalah berkenaan. Serahkanlah kepada saya untuk menyelesaikannya," katanya.

Mengenai laporan sebuah majalah asing mengatakan perlantikan Datuk Musa Hitam sebagai wakil khas negara ke Bangsa-Bangsa kersatu (PBB) sebagai usaha memulihkan semula parti, Perdana Menteri berkata:

"Saya baru dengar tafsiran itu. Bagi saya, dia (Datuk Musa) adalah ahli Umno dan jika dia boleh buat kerja, apa salahnya kita beri dia kerja (sebagai wakil khas negara ke PBB)."

Menurutnya, setakat ini Kabinet belum membuat sebarang keputusan mengenai pemilihan Datuk Musa bagi jawatan menteri.